

SOAL JAWAB SUBSIDI (Soalan tambahan)

1. Syarikat induk menjual telur ayam kepada pemborong untuk buat liquid egg. Bolehkah syarikat menuntut subsidi?
Ladang ayam penelur boleh menuntut subsidi jika jual telur gred A, B dan C kepada pelanggan atau pembeli.
2. Dokumen invois terlalu banyak sebab jualan kepada pemborong berlainan dengan kuantiti berlainan. Bolehkah dibuat satu jadual untuk catat semua maklumat invois dan jumlah telur sahaja?
Boleh buat jadual tetapi invois tetap perlu dihantar juga.
3. Our layer farms sell eggs to supermarket/hypermarket are subject to Trading Terms. Therefore, the invoice price is higher than ceiling price but after discount and rebate, the net price is within the ceiling price, is there any issue when we submit the invoice to claim the subsidy?
Catatan harga pada invois tidak termasuk dalam perkiraan subsidi.
4. Lampiran 2b, it is stated that we're supposed to list the total production for only Grade A, B, C, however I'm afraid that we might not be able to gather such accurate data according to every chicken house by Grade A,B,C.
Boleh kira secara "cumulative" bagi beberapa reban yang terlibat. Sebagai contoh reban 1, 2 dan 3 – jumlah kutipan telur gred A, B dan C bagi ketiga-tiga reban selepas digredkan atau dijual.
5. Are we allowed to further elaborate on Lampiran 2b and 4b.
EX: (LAMPIRAN 2b) Front page with a summary of 5/2/2022-28/2/2022, and followed by detailed listing by Chicken Houses.
(LAMPIRAN 4b) Front page will be a summary of 5/2/2022-28/2/2022, and followed by 24 pages listing day by day.
Boleh dikumpulkan secara mingguan atau bulanan.

6. LAMPIRAN 3b, are we supposed to provide total output according to Grade A,B and C only?

Semua jenis gred telur.

7. Lampiran 2b. Jumlah Kutipan telur Semua Gred & Jumlah Kutipan Telur Gred A, B, C untuk setiap reban tidak dapat dikira. Data ini hanya boleh dapat dikira sebagai keseluruhan (Whole farm result) sebab telur digred secara keseluruhan bukan ikut setiap reban.

Boleh dikira secara cumulative bagi jumlah telur tetapi no reban dan maklumat lain perlu dilengkapkan juga.

8. Lampiran 3b, apa itu telur yang dijual sebagai telur sajian?

Telur biasa (table egg) yang dijual ke pasaran tidak termasuk telur Omega3 dan lain-lain.

9. Lampiran 4b, company saya mempunyai ladang, lorry borong, kedai borong dan kedai runcit yang menjual telur. Harga ladang, borong dan runcit pun ada dijual oleh company kita, harga apa yang kita perlu isikan di lampiran 4b?

Harga dari ladang kepada pelanggan atau pembeli.

10. Lampiran 4b, setiap hari company saya akan buka invoice sebanyak lebih kurang 350 invoice, kali dengan 30 hari =10500 keping invoice sebulan. Adakah semua salinan invoice perlu dicetak dan disahkan? Setiap Keping Perlu disahkan? Jika Rm1.00 untuk 1 mukasurat, maka RM10,000 kena dibayar sebelum incentive didapatkan.

Semua salinan perlu disahkan bagi memastikan kesahihan / ketulenannya.

11. Group saya mempunyai 2 buah ladang ayam, ladang A ada jual telur kepada Ladang B, macam mana nak record INTERCOMPANY transaction? Purchase of Ladang B kena ditolak keluar?

Salah satu ladang boleh membuat tuntutan, asal sahaja tidak ada pertindihan tuntutan (tuntutan dua kali yang sama).

12. Company kita perlu mempunyai Account Agro bank tak? Adakah duit boleh dimasukkan ke Bank Lain seperti Hong Leong Bank, Public bank?
Boleh guna akaun bank tempatan yang lain juga.
13. Borang 4b. Maklumat “jumlah telur jualan”. Adakah ia merujuk kepada telur semua grade atau grade A, B dan C sahaja?
Semua gred.
14. Borang 4b. Maklumat “harga telur jualan semua gred (RM). Adakah perlu senaraikan harga jualan setiap grade?
Ya. Setiap gred.
15. Form 2b. Number of Layer Chicks, it should take No. of Pullet enter or balance of layer everyday/every month?
DOC intake.
16. Egg Collection Date should be only one day? or can be a range of date (by week/by month)?
Boleh juga jika menggunakan tempoh, contoh 1hb Mac hingga 15hb Mac.
17. Form 3b. Total number of egg sold (3rd column), is it including export?
Ya. Termasuk jumlah eksport.
18. Form 4b. Sale date should be one day or a period of date (week/month)?
Boleh juga jika menggunakan tempoh (period), contoh 1hb Mac hingga 15hb Mac.
19. Form 4b. No of egg sold is all grade or only A,B,C ? Do we need to fill total or fill by each grade?
Semua gred telur.
20. Mengenai borang maklumat tuntutan subsidi telur, adakah untuk semua reban? Sekiranya ada banyak reban, perlu tulis semua ke?
Ya. Semua reban.

21. Mengenai borang maklumat tuntutan subsidi telur, adakah kena tarikh kutipan ikut harian / mingguan / bulanan? Adakah boleh kalau buat mingguan atau tetap nak harian?

Boleh juga jika menggunakan tempoh (period), contoh 1hb Mac hingga 15hb Mac.

22. Mengenai borang maklumat tuntutan subsidi telur, adakah dokumen pembelian anak ayam untuk setiap reban yang sedia ada atau bermula dari 5/2/2022 sehingga 5/6/2022?

Untuk “intake” yang terlibat dengan ayam yang mengeluarkan telur pada atau selepas 5hb Februari 2022.

23. Mengenai rekod pengeluaran anak ayam, adakah untuk rekod untuk semua jenis gred telur atau A, B & C sahaja?

Bukan rekod pengeluaran anak ayam. Rekod kemasukan anak ayam bagi setiap reban.

24. Transaction period : Are we advisable to submit our claim form by monthly basis?
Example :

a. Transaction from 5/2 – 28/2 we submit in one form, estimate submission by 1st/2nd week in March

b. Transaction from 1/3 – 31/3 we submit in one form, estimate submission by 1st/2nd week in Apr.

Boleh juga jika menggunakan tempoh (period), contoh 1hb Mac hingga 15hb Mac.

25. Maklumat 5, lampiran 4B : is this invoice listing?

Merujuk kepada pelanggan atau pembeli telur.

26. Lampiran 4B, Can we use excel to do it? Because we have lot transactions in one day.

Hanya borang secara ‘hardcopy’ yang diterima. Salinan inouis tetap diperlukan.

27. Lampiran 4B. Jumlah Telur Jualan (Biji) means all eggs sold or only quantity Grade A/B/C sold in that particular invoice?
Semua jenis gred telur.
28. Lampiran 4B. Harga Telur Jualan Semua Gred : means total invoice amount?
Harga setiap gred bagi setiap transaksi jualan.
29. Can DVS accept if we issue all grade in one invoice? Example customer purchasing Grade A, B, C, D, E & Omega eggs. Do we need to separate billing for Grade A, B, C in one invoice?
Boleh guna invois yang sama, asal sahaja tercatat dengan jelas jumlah telur gred A, B dan C di dalam invois tersebut.
30. If our pricing inclusive of transportation, example : Harga Kawalan + Transportation. Have any issue?
Harga atau kos tidak termasuk dalam perkiraan subsidi.
31. Unit of Measure : our Invoice default is in "Tray", means 30 pieces. Can DVS accept the UOM or it must be stated in Pieces?
Pengiraan subsidi berdasarkan kepada jumlah biji telur gred A, B dan C.
32. Supporting document : Invoice only or have to complete with customer chopped signed Delivery Order?
Invois salah satu dari dokumen yang penting. Dokumen sokongan lain digalakkan bagi membuktikan transaksi.
33. If our customer is other Farm / Penternak ayam : they purchase eggs from our farm for their own customer, can we claim subsidy.
Perlu elak dari pertindihan tuntutan (dua kali tuntutan bagi transaksi yang sama).

34. Maklumat bank : Is it mean DVS need our bank statement main page with our account number stated? Because no space for filling bank information (in Borang Permohonan).

Perlu kemukakan dokumen bank yang menunjukkan dengan jelas no akaun dan nama pemilik akaun.

35. If our application get rejected, do we have limitation on number of appeal? Only one time appeal or can more than that.

Rayuan hanya boleh dibuat sekali bagi permohonan terbabit (merujuk kepada no rujukan permohonan).

36. What is the meaning of Q11 in the FAQ - "Berapa pusingan pengeluaran ayam dibenarkan untuk permohonan subsidi?"

Untuk penternak ayam pedaging, sebanyak 4 pusingan. Tetapi untuk penternak ayam penelur, sepanjang tempoh permohonan subsidi.

37. In case, we supply Grade A, B and C eggs to hypermarket customers and the description of the egg is "XX Hypermarket Grade A", is the such product description stated in the invoices acceptable?

Asal sahaja ia merujuk kepada telur gred jenis A.

38. In case, we supply Grade A, B and C eggs to customers and the product description stated in the invoice as "Big Fresh Grade C" or any kind or form of additional wording description to Grade A, B and C eggs, are these acceptable?

Asal sahaja ia merujuk kepada telur gred jenis A, B atau C.

39. In case, we supply Grade A, B and C eggs to customers and the unit price showed in the invoice is higher than ceiling price, but we actually have credit note to discount to customers, and eventually the actual unit price is below ceiling price. Are we eligible for the subsidy or shall we attach credit note as supporting document?

Harga tidak termasuk dalam perkiraan subsidi.

40. We are a farmer, but we have business channel to sell eggs to retailer or end-users without involvement of middle-man. For example, we directly sell Grade A egg to hawker centre or kopitiam as a wholesaler at ceiling price of RM0.42/egg or retailer at ceiling price of RM0.44/egg, because there is additional operating costs incurred. Will this be an issue?

Pengiraan subsidi merujuk kepada jumlah telur gred A, B dan C yang dikeluarkan dari ladang penternak dan dijual kepada pelanggan / pembeli.

41. Saya menyewa lesen dan reban dari pihak lain dan saya mempunyai kontrak dengan Syarikat integrator. Adakah saya boleh menuntut subsidi?

Menyewa lesen merupakan kesalahan di sudut enakmen perladangan unggas negeri-negeri. Jadi, tuntutan subsidi bagi kesalahan ini tidak akan diterima.

42. Penternak kontrak telah didapati menyewa lesen dari pihak lain dan mempunyai kontrak dengan syarikat integrator. Adakah syarikat integrator boleh menuntut subsidi?

Tidak boleh, jika penternak kontrak didapati menyalahi enakmen perladangan unggas negeri.

43. Lesen ladang (Farm license). Ladang berlesen tahun lepas tetapi belum terima lesen tahun 2022. Bolehkah ladang memohon subsidi?

Jika lesen belum dikeluarkan, itu bermakna penternak telah menyalahi enakmen perladangan unggas negeri kerana memelihara ayam tanpa lesen / kebenaran. Jadi permohonan subsidi tidak akan diterima. Namun begitu, jika kebenaran menternak diberi secara sementara atau bersyarat oleh DVS Negeri bagi menanti kelulusan lesen, maka boleh menuntut subsidi.

44. DVS Melaka tidak memberi lesen kepada semua ladang terbuka (open-house farms). Bolehkah ladang memohon subsidi?

Lesen merupakan syarat utama kepada permohonan subsidi. Tanpa lesen, permohonan tidak akan diterima.

45. Jika ladang kontrak tiada lesen, bolehkah integrator memohon subsidi?
Tidak boleh.
46. Jika penternak kontrak tidak mempunyai lesen tetapi mahu memohon subsidi, masih bolehkah mereka menghantar permohonan lesen?
Tidak boleh.
47. Bagaimana jika sekarang permohonan lesen dibuat dan dalam masa yang sama memohon subsidi?
Boleh mohon setelah lesen dikeluarkan oleh DVS Negeri.
48. Syarikat sewa reban dengan farm owner (pemegang lesen). Adakah syarikat layak menuntut subsidi?
Menyewa lesen merupakan kesalahan di sudut enakmen perladangan unggas. Permohonan subsidi akan ditolak.
49. Lesen atas nama 2 orang. Siapakah yang sepatutnya memohon subsidi?
Salah seorang.
50. Di dalam lesen tercatat kapasiti ayam, bolehkah tuntutan subsidi jika pelihara lebih dari kapasiti dalam lesen?
Memelihara ayam tanpa lesen merupakan satu kesalahan. Untuk itu, tuntutan subsidi bagi penternak yang melakukan kesalahan tidak akan diterima.
51. Bolehkah Ladang Kontrak memohon subsidi jika ayam dijual kepada Integrator yang mengeksport ayam?
Tidak boleh.
52. Bagaimana ladang kontrak memohon subsidi jika sebahagian ayam yang dijual kepada integrator di eksport dan sebahagian dijual tempatan?
Untuk pasaran tempatan, boleh tuntutan subsidi.
53. Integrator and ladang kontrak memohon subsidi bersama atau berasingan?
Digalakkan dibuat bersama bagi memudahkan semakan dibuat.

54. Jika integrator berada di Negeri Sembilan, dan ladang kontrak berada di negeri-negeri lain, permohonan dari integrator perlu di buat ke DVS negeri mana?
Negeri yang mana terletaknya ladang tersebut.
55. Syarikat yang mempunyai berbilang ladang yang berlesen – perlukah hantar dokumen dalam satu set atau berasingan untuk setiap ladang?
Digalakkan mengikut lesen / ladang.
56. Mengikut tatacara permohonan, dokumen yang mana perlu certified true copy (CTC)?
Semua salinan (copy) yang berkenaan.
57. Jika ladang ada banyak (beratusan) “sales invoices” sebulan, perlukah menghantar semua invoice?
Ya, semua invois.
58. Adakah semua helaian sales invoice perlu disalin certified true copy (CTC)?
Ya, semua invois.
59. Lampiran 3a kena isi dari bulan Januari 2021 hingga bulan tuntutan ?
Ya.
60. Integrator menangkap ayam (catch birds) di ladang kontrak – tiada invoice dari ladang kontrak. Bolehkah pakai dokumen lain seperti delivery order dalam permohonan subsidi?
Invois merupakan satu dokumen penting bagi permohonan subsidi.
61. Syarikat Integrator yang mempunyai processing plant kepunyaan syarikat, invoice tidak dikeluarkan, hanya menggunakan delivery order atau daftar memindah ayam. Adakah diterima dokumen lain untuk permohonan subsidi?
Dokumen penjualan ayam dari penternak kepada pembeli.
62. Syarikat mempunyai Ladang ayam dan juga berlesen sebagai Wholesaler. Syarikat ini jual ayam menggunakan harga wholesaler dalam invoice – adakah isu jika gunakan invoice tersebut untuk tuntutan subsidi?
Tidak.
63. Semua invois telah hilang. Bagaimana mahu tuntutan subsidi?
Tidak boleh tuntutan.
64. Jual ayam kepada Ayamas dan prosessor (tambah nilai), boleh tuntutan subsidi?
Boleh.

65. Contractor sells to Ayamas at open tender contract price of RM6/kg – eligible for subsidy?

Ya. Boleh.

TELUR

- A. layer farms sell eggs to supermarket/hypermarket are subject to Trading Terms. Therefore, the invoice price is higher than ceiling price but after discount and rebate, the net price is within the ceiling price
 - a. harga jualan adalah mengikut harga kawalan selepas discount – adakah isu timbul jika kegunaan invoice yang menunjukkan harga sebelum discount ? (ref: telur 2a)
- B. Syarikat induk menjual telur ayam kepada pemborong untuk buat liquid egg. Bolehkah syarikat menuntut subsidi? (ref: telur 1a)
- C. Dokumen invois terlalu banyak sebab jualan kepada pemborong berlainan dengan kuantiti berlainan. Bolehkah dibuat satu jadual untuk catat semua maklumat invois dan jumlah telur sahaja? (ref: telur 1b)